

Sumpah tanpa niat tidak kena kaffarah

TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SYEIKH al-Maghari berkata: Selepas Allah perintahkan kita dalam ayat yang lepas supaya bertakwa kepada-Nya dan melarang kita melakukan maksiat serta menyalahi arahan-Nya, disebut di sini apa yang sepatutnya ditakuti dan diawasi.

Antaranya menjadikan nama Allah ketika bersumpah sebagai halangan daripada melakukan kejahatan, takwa dan *islah* di kalangan manusia.

Firman Allah: *Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi Ia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah). Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.* (Al-Baqarah: 225)

Mengikut riwayat Ibn Jarir dari saluran 'Urwah yang mauquf di atas Aisyah: *Allah tidak memper-salahkan kamu dengan sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah)* itu ialah kata-kata seperti: "Tidak! Demi Allah. Ya! Demi Allah."

Dalam sebuah hadis yang mursal dari al-Hassan Ibn Abi al-Hassan katanya: Rasulullah s.a.w telah melalui sekumpulan orang yang sedang memamah. Bersama baginda ialah seorang sahabat lelaki. Kemudian seorang dari kumpulan itu berdiri dan berkata: Aku sudah kena demi Allah, dan awak tidak kena demi Allah. Lalu sahabat yang bersama Nabi s.a.w itu berkata kepada Nabi s.a.w: "Wahai Rasulullah! Lelaki ini telah melanggar sumpahnya." Jawab beliau: "Tidak! Sumpah pemanah-pemanah itu tidak dikira, tidak ada apa-apa kifarat dan tidak ada-apa hukuman padanya".

Mengikut keterangan dari Ibn Abbas r.a., sumpah yang tidak dikira itu ialah engkau bersumpah ketika engkau sedang marah. Begitu juga diriwayatkan dari Ibn Abbas: "Sumpah yang tidak dikira ialah engkau mengharamkan apa yang diharamkan Allah, sumpah yang demikian tidak terkena kaffarah di atas engkau."

Ibn al-Arabi berkata: Maksud ayat ini mempunyai tujuh pendapat tentangnya:

● Iaitu perkataan yang diucapkan tanpa maksud, seperti katanya: "Tidak, demi Allah, bahkan demi Allah." Pendapat ini dinyatakan oleh Aisyah dan al-Syafie.

- Ia bermaksud sumpah yang dilakukan berdasarkan sangkaan, tetapi yang terjadi adalah sebaliknya. Pendapat ini dikatakan oleh Maliki.
- Ia bermaksud sumpah ketika marah.
- Ia bermaksud sumpah berbentuk maksiat.
- Seorang yang mendoakan keburukan terhadap dirinya, seperti katanya: "Kalau aku tidak berbuat demikian maka akan ditimpakan kepadaku sekian, sekian..."

- Sumpah yang membawa kepada kufur.
- Sumpah orang yang lupa.

Dari athar-athar ini dapatlah diambil kesimpulan bahawa sumpah yang tidak diniatkan dan diucapkan kosong oleh lidah itu tidak dikenakan apa-apa kaffarah.

Hanya sumpah yang diniatkan oleh seseorang dan ia berazam melakukan apa yang disumpahnya itu sama ada mengambil atau meninggal itu sahaja sumpah yang dikira dan diwajibkan bayaran kaffarah apabila seseorang itu membatalkannya. Dan sumpah itu wajib dibatalkan jika akibatnya membawa kepada keengganan membuat kebaikan atau menggalakkan membuat kejahatan.

Jika seseorang itu bersumpah terhadap sesuatu dan dia tahu bahawa sumpahnya adalah bohong, maka sesetengah pendapat mengatakan ia tidak dikenakan apa-apa kaffarah yakni tidak membayar apa-apa kaffarah.

Imam Malik di dalam al-Muwatta' berkata: "Pandangan paling elok yang aku telah dengar mengenai sumpah ialah sumpah yang tidak dikira itu ialah sumpah seseorang terhadap sesuatu yang ia yakin begitu kemudian didapati berlainan dari itu, maka sumpah ini tidak dikenakan apa-apa kaffarah. Dan seseorang yang bersumpah terhadap sesuatu yang ia tahu bahawa ia berdosa dan berdusta untuk menyenangkan seorang yang lain dan untuk mendapatkan wang dengannya, maka sumpah ini adalah lebih besar dari dikenakan kaffarah."

Firman Allah: *...tetapi Ia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah).*

Ibn al-Arabi berkata: Ketahuilah ke semua tujuh ini termasuk dalam jenis maksud al-laghwu yang telah kami sebutkan. Untuk memahami ayat tersebut bermaksud kepada semua tafsiran di atas adalah tidak mungkin.

Hal ini kerana dalil menunjukkan bahawa kesalahan itu diletakkan kepada sebahagian maksud yang disebutkan. Banyak ayat al-Quran, hadis dan athar yang kalau diteliti, terkeluarlah tujuan kita untuk meringkaskan penerangan ini dengan memuatkan banyak perbincangan yang tidak berfaedah.

Orang yang cerdik dapat menganggap bahawa tidak mungkin kita memahami ayat tersebut dengan maksud: Allah tidak mengira bersalah dengan perkara yang tidak memudaratkan kamu. Hal ini kerana ada kalanya seseorang mempunyai niat untuk menimbulkan mudarat (walaupun kemudaratannya itu tidak berlaku), sedangkan Allah s.w.t menerangkan bahawa sesuatu yang disengajakan iaitu kerja hati akan diambil kira.

Justeru, ini menunjukkan bahawa al-laghwu yang dimaksudkan ialah perkara yang tidak berfaedah. Maka tidak termasuk dalam pengertiannya sumpah ketika marah dan sumpah berbentuk maksiat.

Jadi ayat ini menggabungkan dua bahagian; satu bahagian berbentuk pekerjaan hati yang akan diambil kira dan satu bahagian lagi bukan dengan niat di hati. Maka inilah perbuatan yang tidak diambil kira sebagai bersalah. Sumpah orang yang terlupa tidak termasuk dalam bahagian yang disengajakan.

Oleh itu, pelanggaran sumpah oleh orang yang

terlupa, akan dibincangkan dalam bab lain nanti, insya-Allah. Begitu juga tidak termasuk dalam bahagian yang disengajakan iaitu bersumpah terhadap sesuatu yang disangka tetapi yang berlaku adalah sebaliknya, kerana ia bukanlah perkara yang dimaksudkan oleh orang yang bersumpah.

Dalam hal ini, terdapat perbincangan yang panjang dan keterangannya boleh dilihat dalam kitab *al-Masail*.

Di sini dikemukakan jenis sumpah. Ibn al-Jauzi membahagikan sumpah kepada dua:

Pertama: Yang telah lalu.

Kedua: Yang akan datang.

Adapun yang telah lalu terbahagi kepada dua:

Pertama: Sumpah yang dusta seperti seseorang berkata, demi Allah aku tidak melakukannya sedangkan dia melakukannya atau dia berkata sesungguhnya aku melakukannya sedangkan dia tidak melakukannya.

Kedua: Sumpah yang harus iaitu yang benar sama ada mengiakkannya atau menafikannya.

Sumpah pada masa akan datang pula terbahagi kepada lima bahagian iaitu:

A) Sumpah untuk taat sedangkan ia adalah tempat taat. Begitu juga tidak melakukannya merupakan maksiat seperti dia bersumpah dengan katanya, "Aku akan sembahyang lima waktu, aku akan puasa Ramadan dan aku tidak akan minum arak."

B) Akadnya maksiat tempatnya juga maksiat. Sedangkan menghalalkannya adalah ketaatan iaitu yang berlawanan daripada pendapat yang pertama.

C) Sumpah yang akadnya taat dan tempat pelaksanaannya juga taat sedangkan menghalalkannya makruh seperti dia bersumpah bahawa dia akan lakukan ibadat sunat.

D) Sumpah yang akadnya makruh dan pelakunya makruh sedangkan yang menghalalkannya ketaatan. Iaitu yang berlawanan yang ketiga.

E) Sumpah yang akadnya harus dan tempat pelaksanaannya harus serta menghalalkannya harus. Seperti bersumpah demi Allah aku tidak pernah negeri adanya siapa yang menzalimi manusia.

Bagi memahami dengan lebih jelas hendaklah dirujuk pada kitab Fiqh. Firman Allah, *Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.*

Al-Maghari berkata: "Ini kerana Allah mengampun bagi semua hamba-Nya apa yang mereka lakukan daripada dosa dan tidak bersegera dengan hukuman. Begitu juga tidak mentaklifkan mereka apa yang tidak mampu yang menjadi kesukaran ke atas mereka dan yang tidak termasuk di bawah kekuasaan mereka."

Al-Sonhaji berkata: "Orang yang tidak sengaja diampunkan-Nya. Lagi penyantun yakni belas terhadap hamba-Nya, iaitu dengan melambatkan kedatangan seksa-Nya terhadap orang yang berbuat maksiat."

Iktibar Ayat

- Sumpah yang lagha tidak dikira oleh Allah.
- Sumpah yang disertai dengan kezazaman hati merupakan sumpah yang dikira oleh Allah.
- Mengihibitkan sifat Allah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyantun.

● DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).